

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.



- 1 Pihak berkuasa _____ menahan beberapa orang pendatang asing.
A akan C belum
B telah D sedang
- 2 Seorang penternak kambing mengalami kerugian apabila haiwan peliharaannya itu mati akibat _____.
A keracunan C kesesakan
B kepanasan D kesempitan

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 3 I Mahkamah *menjatuhkan* hukuman yang setimpal dengan kesalahannya.
II Tindakan Asya itu telah *menjatuhkan* maruah ibu bapanya.
III Abang *menjatuhkan* buah rambutan ke tanah.
IV Penjelasan yang diberi oleh wakil rakyat itu *menjatuhkan* keraguan kami.
A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja
- 4 I Adik bongsu saya tidak *kuat* makan.
II "Gigi dan tulang akan semakin *kuat* jika kita selalu minum susu," kata ibu.
III Ayah masih *kuat* mengusahakan tanaman sawitnya.
IV Hasyimah tidak dapat beriadah di taman kerana hujan turun dengan *kuatnya*.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Peningkatan jumlah obesiti disebabkan oleh faktor pengambilan makanan yang diproses.
- A mengambil makanan proses
 - B mengambil proses makanan
 - C pengambilan makanan proses
 - D pengambilan makanan yang diproses
- 6 Kesihatan mental kita perlu uruskan dengan baik.
- A perlu kita uruskan
 - B kita perlu menguruskan
 - C perlu diuruskan oleh kita
 - D kita perlu uruskan

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Armiza menuntun orang cacat penglihatan itu semasa melintas jalan raya.
II Syakilla menoleh ke kiri dan ke kanan sebelum melintas jalan raya.
III Hamid naik ke pentas untuk menerima hadiah.
IV Sedangkan dia yang pandai pun boleh gagal jangankanlah kita.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 8 I Perjalanan daripada Simpang Renggam ke Simpang Pulai mengambil masa beberapa jam.
II Pak Andak telah mengadakan majlis kesyukuran pada malam Jumaat nanti.
III Adib akan menghasilkan sebuah buku berkenaan kisah hidupnya.
IV Beribu-ribu penyokong bola sepak menyaksikan perlawanan akhir itu.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 “Saya sangat gembira kerana dapat menenun songket,” kata Anis kepada Athirah.
- A Mereka yang gembira memberitahu Anis dan Athirah kerana dapat menenun songket.
 - B Athirah memberitahu Anis bahawa dia sangat gembira kerana dapat menenun songket.
 - C Athirah dan Anis memberitahu bahawa mereka sangat gembira kerana dapat menenun songket.
 - D Anis memberitahu Athirah bahawa dia berasa sangat gembira kerana dapat menenun songket.

Soalan 10

Pilih kata-kata hikmat yang paling sesuai.

Jazlan sering dimarahi oleh ibunya kerana dia suka menangguhkan kerjanya.

- 10 Kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah
- A masa itu emas
 - B bertanggung itu pencuri masa
 - C hidup ini umpama perlumbaan
 - D kata mesti dikota, janji mesti ditepati